



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### MAJLIS PELANCARAN DAN PENYERAHAN WANG MODAL PROGRAM PENILAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KEBERSIHAN ANTARA KAWASAN PERUMAHAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

**KUALA LUMPUR, 26 September 2013 –** YB Dato' Loga Bala Mohan menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kebersihan Antara Kawasan Perumahan Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur 2013 di sini. Penilaian KPI Kebersihan Antara Kawasan Perumahan di Wilayah Persekutuan (WP) merupakan satu program yang dirangka bagi tujuan meningkatkan penghayatan serta amalan gaya hidup bersih di persekitaran kejiranan sehingga ke unit kediaman secara individu di kalangan warga perumahan WP. Program ini yang julung kali diperkenalkan pada tahun 2012 akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun ini. Pada program kali ini, pelaksanaannya adalah meliputi kawasan perumahan awam dan swasta di WP Kuala Lumpur serta 55 buah kawasan perumahan termasuk 4 Kampung Air di WP Labuan.

Bagi pelaksanaan Program Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kebersihan Antara Kawasan Perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk tahun 2013, Kementerian dengan kerjasama DBKL telah bersetuju **memperluaskan penganjuran program ini kepada perumahan kos rendah awam swasta**. Berbeza dengan penganjuran pada tahun sebelum ini, sejumlah 85 penyertaan daripada perumahan awam dan swasta telah diterima berbanding 69 kawasan perumahan awam DBKL pada tahun 2012.

Penilaian KPI Kebersihan ini merangkumi siri kunjungan oleh pasukan-pasukan panel penilai terdiri daripada pegawai-pegawai dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, agensi-agensi di bawah KWP, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Swasta yang bertanggungjawab dalam membuat penilaian berdasarkan 3 elemen utama yang dirangka iaitu “Bersih”,

“Indah” dan “Sejahtera”. Siri penilaian ini akan berlangsung selama 6 minggu bermula antara pertengahan Oktober hingga November 2013. Dalam majlis ini juga, YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan turut menyampaikan sumbangan modal sebanyak **RM2,000.00** bagi setiap kawasan perumahan yang terlibat melibatkan peruntukan sebanyak RM170,000.00 bagi membantu menampung keperluan untuk aktiviti mereka sebelum penilaian bagi tujuan pemarkahan dilakukan oleh barisan panel penilai.

KWP turut menawarkan imbuhan berjumlah **RM20,000.00** kepada 30 persatuan penduduk yang berjaya memenuhi dan mencapai kriteria KPI yang telah ditetapkan melibatkan peruntukan sebanyak RM600,000.00. Manakala sebanyak **RM20,000.00** lagi akan diberikan sebagai hadiah anugerah terbaik keseluruhan kepada Persatuan Penduduk atau JMB/MC yang berjaya mengungguli pelaksanaan KPI Kebersihan di peringkat WPKL 2013. Selain itu, terdapat beberapa anugerah tambahan iaitu **anugerah terbaik perumahan awam, anugerah terbaik perumahan swasta, anugerah terbaik Bersih, anugerah terbaik Indah dan anugerah terbaik Sejahtera** yang masing-masing bernilai **RM5,000.00** akan disampaikan berdasarkan keputusan pencapaian yang diperolehi kelak melibatkan peruntukan sebanyak RM25,000.00. Keputusan pemenang-pemenang yang telah dimuktamadkan oleh panel penilai dijangka akan diumumkan semasa sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2014.

Program Penilaian KPI Kebersihan seumpama ini diteruskan semula pada tahun ini kerana mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada perumahan awam dan swasta serta dapat dijadikan dorongan kepada semua pihak yang terlibat untuk membudayakan amalan kebersihan, keindahan dan keceriaan agar persekitaran perumahan sentiasa bersih dan selesa untuk didiami demi kebaikan bersama.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
26 September 2013  
KUALA LUMPUR